

Dorongan Pemeluk Agama Islam dalam Kalangan Komuniti Minoriti di Sebuah Negeri Majoriti Melayu

AZARUDIN AWANG & KHADIJAH MOHD KHAMBALI @ HAMBALI

ABSTRAK

Pemelukan agama merupakan perpindahan kepercayaan yang berlaku dalam kehidupan masyarakat pelbagai etnik yang disebabkan pelbagai faktor. Perihal yang sama berlaku dalam kehidupan komuniti Cina yang merupakan 2.4 % daripada jumlah penduduk di negeri Terengganu. Objektif kajian ini adalah melihatkan faktor pemeluk agama Islam dalam kalangan masyarakat Cina di negeri Terengganu dan bagaimana fenomena ini berlaku. Kajian deskriptif ini, dilakukan dengan menggunakan metod kualitatif iaitu dengan temu bual ke atas 20 orang Saudara Baru Cina yang memeluk Islam di negeri Terengganu. Selain itu, temu bual juga dilakukan ke atas tiga orang tokoh yang terlibat secara langsung dalam menjaga kebajikan Saudara Baru Cina di negeri Terengganu. Kajian mendapati komuniti Cina Muslim di negeri Terengganu memeluk agama Islam kerana faktor pergaulan dengan rakan Muslim, perkahwinan, pengkajian, hidayah dari Ilahi dan dorongan dari keluarga yang telah memeluk agama Islam.

Kata kunci: dorongan, pemeluk, komuniti, minoriti, Melayu

ABSTRACT

Religious conversion is a change of belief that occurs in a multi-ethnic society due to various factors. This phenomenon also occurs in the life of the Chinese community that makes up about 2.4% of the total population in Terengganu state. The objectives of this study are to determine the factors of conversion among the Chinese community in this state and how this phenomenon occurs. This descriptive study, was carried out using qualitative method by interviewing twenty new converted Chinese in Terengganu state. In addition, interviews were also carried out on three important persons who were directly involved in maintaining the virtues of the new converted Chinese Muslim in Terengganu. The study found that Chinese Muslim community in Terengganu embraced Islam due to their relationship and influence of Muslim friends, marriage to Muslim, by research, divine guidance and encouragement from the family that had converted to Islam.

Key words: encouragement, conversion, community, minorities, Malay

PENDAHULUAN

Jalaluddin Rakhmat (2003: 50) menyatakan bahawa secara umumnya pemeluk atau konversi agama adalah berubah agama atau masuk agama. Dari segi etimologinya pula, beliau menjelaskan perkataan konversi ini berasal dari perkataan "*conversio*" yang bererti taubat, pindah dan berubah. Perkataan dasar ini diperkembangkan menjadi makna berubah dari suatu keadaan atau dari suatu agama ke agama lain. Zakiah Darajat (1973: 127) menyatakan bahawa faktor pemeluk sesuatu agama adalah kerana adanya pengaruh hubungan dengan tradisi agama lain dan persekitaran; dan ajakan daripada seseorang. Mohamed Asin Dolah (1993) dalam tulisannya iaitu *Konversi Agama: Pengertian dan Bentuknya*, mendapati persekitaran merupakan 'faktor' utama yang mendorong berlakunya pemeluk agama Islam dan Kristian dalam kalangan orang-orang Cina di Malaysia. Rasinah

Haji Ahim (2008) mendapati berlaku penukaran agama disebabkan atas faktor pergaulan dengan rakan-rakan yang berlainan agama, perkahwinan dan dorongan keluarga. Kajian beliau ini hanya memberi fokus kepada orang Dusun di Brunei dan didapati bahawa Islam merupakan agama alternatif mereka selain Kristian dan Buddha. Manakala kajian yang dilakukan oleh Tengku Norhayati (2006: 58) pula mendapati bahawa 20% pemeluk Saudara Baru di negeri Kelantan disebabkan oleh kerana faktor pergaulan dengan masyarakat tempatan khususnya orang-orang Melayu. Selain daripada itu, ianya juga didorong oleh galakan keluarga yang telah memeluk Islam, pengkajian, perkahwinan, kepentingan peribadi dan mencari sinar hidup baru. Skop kajian beliau ini ialah di negeri Kelantan dan bersifat umum kepada semua etnik, manakala fokus kajian melihat kepada faktor pemeluk agama dan masalah yang dihadapi oleh Saudara Baru. Kajian beliau juga mendapati bahawa

40% Saudara Baru berhadapan tentangan daripada keluarga asal. Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Rani dan Jenny (2008: 327-339) menjelaskan bahawa pemeluk agama berlaku kerana wujudnya interaksi awal dari persekitaran, pengaruh rakan, keluarga, perkahwinan dalam kalangan masyarakat yang melakukan pemeluk agama baru. Selain daripada faktor di atas, wujud kalangan Saudara Baru yang memeluk agama Islam kerana terikut-ikut dengan rakan yang telah memeluk Islam (Mudasir & Marzuki 2005: 586). Secara umumnya kajian di atas memberi perhatian kajian faktor pemeluk agama yang berlaku dalam semua agama dan pelbagai kelompok etnik. Kajian di atas juga menjelaskan bahawa pengaruh persekitaran, pergaulan, perkahwinan, dorongan keluarga dan rakan merupakan faktor utama seseorang itu melakukan pemeluk agama baru.

Berdasarkan kepada perbincangan di atas, dapat dinyatakan bahawa kajian-kajian lepas banyak memberi tumpuan kepada permasalahan yang lazim yang berlaku selepas pemeluk agama Islam seperti konflik budaya, bahasa, pemakanan, konflik dengan keluarga asal, hubungan dengan masyarakat Islam setempat dan tekanan emosi. Walau bagaimanapun, kajian ini hanya memberi fokus terhadap faktor komuniti Cina yang melakukan pemeluk agama Islam di negeri Terengganu. Selanjutnya, penulis akan membicarakan secara terperinci bentuk ketegangan antara keluarga yang berlaku dalam kehidupan Saudara Baru Cina.

METOD KAJIAN

Kajian temu bual dilakukan ke atas 20 orang responden dengan justifikasi pemilihan dibuat dengan mengenal pasti Saudara Baru Cina yang telah melakukan pemeluk agama Islam di negeri Terengganu. Kaedah temu bual dilakukan bagi mendapat maklumat secara langsung tentang sejarah, pandangan dan pengalaman responden dalam melakukan penukaran agama. Temu bual separa berstruktur dilakukan dengan cara *focused interview* agar wujud perkongsian pengalaman antara pengkaji dan responden. Pensampelan mudah dilakukan dengan memilih responden yang melibatkan diri dalam kelas pengajian di Kompleks Darul Hidayah (di bawah penyeliaan Majlis Agama Islam Dan Adat Melayu Terengganu) dan Pejabat Darul Fitrah (di bawah penyeliaan badan dakwah NGO Darul Fitrah). Selain daripada itu, melalui teknik *snowball sampling*, pengkaji juga

diperkenalkan oleh responden yang telah ditemu bual dengan rakan Cina yang telah melakukan pemeluk agama Islam. Justeru, temu bual dengan berkunjung ke rumah Saudara Baru Cina juga dilakukan. Responden diminta menjelaskan tentang latar belakang umur, pekerjaan, tahap pendidikan, tempoh memeluk agama Islam, tempat asal dan agama asal. Sebelum temu bual sebenar dilakukan, ujian rintis ke atas lima orang Cina yang telah memeluk agama Islam dilaksanakan bagi memastikan soalan yang direka bentuk itu mempunyai nilai kesahan dan kebolehpercayaan yang tinggi.

Selain daripada itu, bagi mendapat gambaran secara umum tentang pemeluk agama Islam dalam kalangan masyarakat Cina Terengganu, temu bual berstruktur juga dilakukan ke atas tiga orang tokoh yang memainkan peranan penting dalam kehidupan masyarakat Cina Muslim di negeri Terengganu iaitu Ustaz Abdul Halim Lim Abdul Rahman, pengetua Kompleks Darul Hidayah¹. Kedua, Datin Norhana Ng Abdullah, presiden MACMA yang juga merupakan presiden Persatuan Darul Fitrah Negeri Terengganu², dan Ustaz Mohd Sufri Abdul Jaafar iaitu pegawai Eksekutif di PERKIM negeri Terengganu. Selanjutnya, proses merekodkan maklumat dilakukan secara elektronik dengan persetujuan responden sendiri. Mengambil kemungkinan peralatan elektronik mempunyai masalah, pengkaji juga melakukan catatan secara manual. Seterusnya, data yang dirakam ditaip semula dalam komputer bagi tujuan penganalisan. Gerak kerja yang khusus dalam proses analisis data meliputi aspek melakukan perbandingan, mengenali bentuk, mengelompokkan, mencari hubungan, membuat rumusan dan melakukan pentafsiran.


MASYARAKAT CINA DAN PEMELUKAN AGAMA ISLAM DI NEGERI TERENGGANU

Laporan kependudukan negeri Terengganu 2010 menunjukkan bahawa jumlah penduduk Cina di negeri ini ialah seramai 27,900 orang atau berjumlah 2.4% daripada jumlah keseluruhan penduduk (Jabatan Perangkaan Malaysia 2010). Pun begitu, walaupun mewakili jumlah peratus yang kecil namun masyarakat Cina merupakan kelompok etnik yang kedua terbesar di negeri Terengganu. Kebanyakan masyarakat Cina di negeri Terengganu tinggal di bandar-bandar utama di negeri ini. Suku Hokkien merupakan etnik Cina yang terbesar dan kebanyakan daripada mereka tinggal di daerah

Kuala Terengganu (Tan Wan 2002: 3). Tan Yao Sua (2011: 151) menyatakan bahawa masyarakat Cina Hokkien di negeri Terengganu merupakan kelompok Peranakan Cina yang dianggap ‘separuh Cina separuh Melayu’ dan telah membentuk komuniti hibrid yang berkembang secara tersendiri. Masyarakat Cina Hokkien merupakan kelompok Cina yang telah membina penempatan di negeri ini sebelum abad ke-19 dengan tinggal di kampung bersama-sama masyarakat Melayu (Cheong Meng Ngai 1991: 142). Justeru, Tan Chee Beng (2002: 74-77) juga menjelaskan bahawa pengaruh budaya Melayu yang boleh dilihat dalam kehidupan masyarakat Cina Peranakan ialah dalam aspek bahasa, pemakanan, seni bina rumah dan pakaian. Bertitik tolak dari tinggal di kampung-kampung seperti di kampung Tirok, Jeram, Pulau Babi, sebahagian masyarakat Cina Peranakan telah berhijrah ke bandar utama di negeri Terengganu dan bercampur dengan kelompok Cina yang tinggal di bandar. Kelompok Cina bandar juga dikenali sebagai Cina Jati terdiri daripada etnik Hainan, Kantonis, Hakka dan Toe Chew. Bertitik tolak daripada proses mengenal terhadap segala yang berkaitan dengan masyarakat Muslim, ianya menjadi detik permulaan masyarakat Cina memperoleh maklumat awal tentang agama Islam. Boleh dikatakan ‘hubungan sosial’ masyarakat Cina dengan masyarakat Melayu selanjutnya telah menjadi platform kepada ‘hubungan antara agama’ antara dua pihak. Fenomena inilah yang akhirnya mendorong sebahagian komuniti Cina memilih agama Islam sebagai kepercayaan yang baru. Berdasarkan data pemeluk agama Islam dari tahun 1990-2011 di negeri Terengganu, seramai 2043 orang telah memeluk agama ini. Seramai 523 orang pemeluk agama ini adalah terdiri daripada masyarakat Cina (Bahagian Dakwah, Pejabat Agama Terengganu 2012). Manakala berdasarkan pemeluk agama Islam mengikut daerah-daerah di negeri Terengganu dari tahun 2000 hingga 2011, ianya adalah sebagaimana dipaparkan pada Rajah 1.


Berdasarkan kepada carta tersebut, ianya menunjukkan bahawa kebanyakan pemeluk agama Islam berlaku di daerah Kuala Terengganu iaitu melibatkan 36.36% daripada jumlah keseluruhan. Peranan Kuala Terengganu sebagai pusat pentadbiran negeri, pusat keilmuan dan pusat pelancongan utama di negeri ini mendorong majoriti masyarakat bukan Islam di negeri Terengganu menetap di daerah ini. Justeru, ianya menjadi justifikasi utama mengapa Kuala Terengganu mencatatkan kadar pengislaman yang cukup tinggi berbanding daerah-daerah lain.

Di daerah lain, masyarakat Cina kebanyakan datangnya dari kawasan Kuala Dungun, Chukai dan Kemaman. Kawasan ini merupakan kawasan yang didiami ramai masyarakat Cina dari pelbagai etnik. Mengambil kira rekod kemasukan Islam dari tahun 2000-2011 di negeri Terengganu, didapati masyarakat Cina merupakan etnik yang terbesar memeluk agama Islam di negeri Terengganu mewakili 53 % daripada jumlah keseluruhan. Berdasarkan kepada warga negara Malaysia yang memeluk Islam di negeri Terengganu bagi tempoh 2000-2011 adalah seperti pada Rajah 2.



Rajah 1. Peratus dan bilangan yang memeluk Islam di negeri Terengganu mengikut daerah dari tahun 2000-2011

Sumber: Pejabat Agama Negeri Terengganu 2012



Rajah 2. Peratus dan bilangan yang memeluk Islam di negeri Terengganu mengikut kelompok etnik dari tahun 2000-2011

Sumber: Pejabat Agama Negeri Terengganu 2012

FAKTOR PEMELUKAN AGAMA ISLAM

Berdasarkan temu bual yang dijalankan ke atas 20 orang responden, faktor-faktor pemilihan Islam adalah sebagaimana pada Jadual 1.

Jadual 1. Faktor agama

Faktor	Jumlah
Pergaulan	7
Perkahwinan	4
Pembacaan & Pengkajian	5
Hidayah	3
Dorongan Dari Keluarga Yang Telah Islam	1

Sumber: Temu bual 2012

Bagi mendapat gambaran yang lebih terperinci, dijelaskan pengalaman-pengalaman masyarakat Cina Muslim sebagaimana di bawah. Antaranya:-

Pergaulan Dengan Masyarakat Melayu

Menurut Norhana Ng (temu bual Mac 2012), wujud dalam kalangan masyarakat Cina yang memeluk Islam kerana faktor pergaulan dengan masyarakat Melayu. Pengalaman pergaulan di kampung atau di sekolah telah membuka ruang kepada masyarakat Cina untuk mengenal lebih dekat budaya hidup dan agama masyarakat Melayu. Dalam hubungan ini, Jalaluddin Rakhmat (2003: 262-265) menyatakan bahawa berlaku pemelukan agama kerana faktor hubungan sosial seperti pergaulan dan pengaruh kebiasaan yang bersifat ritual. Pengalaman menghadiri upacara keagamaan dan ritual masyarakat atau perkumpulan sosial mendedahkan kepada pelbagai bentuk cara hidup dalam beragama. Bagi mendapat gambaran yang lebih jelas, dapatan temu bual dengan masyarakat Cina Muslim Terengganu menceritakan sebagaimana berikut:

“Sebab masuk Islam, sebab kita duduk dalam kampung, **bergaul dengan budak Melayu**, duduk Lorong Jamil dekat Pasar Payang..tidak berkawan dengan budak Cina..kebanyakan tubit (keluar masuk) dengan budak-budak sebelah rumah. Dia sama umur juga dengan saya.. Jadi kita banyak pergi rumah dia, kan kita pergi tengok keadaan keluarga dia.. brodong (berkawan) hari tulah” [Resp # 08 (Hokkien), temu bual: Nov. 2012]

“Faktor yang menyebabkan saya masuk Islam ni **kerana pergaulan dalam kalangan masyarakat Melayu**, tempat lahir pun di kawasan ramai orang Melayu. Biasalah bergaul dengan orang Melayu, jiran saya dekat sana pun orang Melayu. Cina tidak ramai masa tu” [Resp # 17 (Hokkien) temu bual: Dis. 2012]

“Saya masuk Islam waktu sekolah, saya duduk di Kampung Ladang, **saya berkawan dengan**

orang Melayu jadi niat tuu memang nak masuk Islamlah..belajar senyap-senyap dengan orang Melayu” [Resp # 12 (Hokkien) temu bual: Nov. 2012]

“Saya bekerja dekat Somei di Gong Badak, kebanyakan pekerja kat situ orang Melayu Islam. **Jadi setiap hari kita berkawan dengan orang Melayu kan**. Jadi pada bulan puasa saya pun turut berpuasa jugak walaupun belum Islam lagi.” [Resp # 16 (Kantonis) temu bual: Dis. 2012]

“Saya masuk Islam kerana pengaruh daripada kawan dan persekitaran, dulu saya duduk kat asrama kan, masa belajar dulu, jadi kat asrama **kebanyakannya kawan-kawan berbangsa Melayu**. jadi saya tengok dari situ akhlak mereka tu baik, tutup aurat.. sukalah sebab Islam ni kan dia jagakan, tengok cara sembahyang. Masa tuu saya ambil diploma nursing dekat Kajang.” [Resp # 18 (Hokkien) temu bual: Dis. 2012]

“Saya bergaul dengan orang Melayu....dulu saya kerja dekat The Store, **saya ramai kawan-kawan Melayu**..rasa tertarik dengan agama dia orang.” [Resp # 02 (Hokkien) temu bual: April 2012]

“Masa dulu kecik-kecik saya belajar sekolah kebangsaan saya belajar dengan budak Melayu ikutlah, zaman dahulukan ustaz ajar ramai-ramai ikutlah .. boleh lah masuk sikit-sikit.. bila masuk sikit nak masuk Islam...masa tu kecik lagi tak tau mende lagi sampai sekolah menengah saya kawan dengan budak Melayu..sekolah Chung Hwa... **tapi saya kawan dengan orang Melayu sebab masa kecik-kecik saya kawan dengan orang Melayu**. Saya dok kawang dengan budak Cina sebab dia cakap Mandarin dan saya dok pandai cakap Mandarin sebab saya sekolah Melayu.” [Resp # 13 (Hakka) temu bual: Nov. 2012]

Jelasnya, melalui pengalaman tinggal bersama di perkampungan Melayu dan bergaul dengan rakan Muslim membuka ruang yang luas kepada masyarakat Cina untuk meneroka kehidupan seharian masyarakat Islam. Tambahan lagi, pengalaman tinggal bersama masyarakat Melayu menyebabkan responden agak sukar untuk mencari teman-teman sebangsa. Hubungan yang rapat dengan masyarakat Melayu ini bukan sahaja berlaku di kampung malahan aktiviti ini berlaku di tempat kerja, misalnya Resp # 02 (Hokkien) menyatakan “*kerja dekat the Store, saya ramai kawan-kawan Melayu*” dan Resp # 16 (Kantonis)

dengan menyatakan **“setiap hari kita berkawan dengan orang Melayu”**. Justeru, faktor hubungan sosial dengan masyarakat Islam tempatan menjadi pendorong yang kuat untuk masyarakat Cina melakukan penukaran agama.

Ninin Kholida (2007: 102) menyatakan bahawa berada dalam lingkungan teman sebaya yang berbeza agama akan memberikan pengaruh tersendiri bagi subjek dalam mengenal nilai-nilai dan tata perilaku orang lain. Tengku Norhayati (2006: 58) menjelaskan bahawa Saudara Baru memeluk Islam kerana tertarik dengan kehidupan orang Melayu yang saling bantu membantu, mengamalkan konsep bekerjasama, bersikap harmoni, bergotong royong, dan kenduri-kendara. Nilai perpaduan yang wujud dalam kehidupan masyarakat Islam memberi pengaruh yang besar kepada masyarakat bukan Islam (Sulaiman Dufford 2010: 1-3). Rakan Muslim mempamerkan nilai-nilai murni Islam mendorong rakan bukan yang beragama Islam meneroka lebih dalam tentang agama Islam. Justeru, pengkajian terhadap ajaran agama melalui aktiviti berkelompok akan memudahkan proses belajar dan penghayatan agama tersebut (Ninin Kholida 2007: 102). Mengambil kira daripada dapatan temu bual dan kenyataan di atas, dapat dinyatakan bahawa nilai-nilai akhlak dan keutuhan sistem keluarga yang wujud dalam kehidupan masyarakat Islam mendorong masyarakat Cina di negeri Terengganu untuk melakukan pemelukan agama Islam. Pemerhatian semasa pergaulan dengan rakan-rakan yang berlainan agama membuka ruang kepada masyarakat Cina untuk memahami dan mengenali serba sedikit hal ehwal agama Islam. Lebih jauh lagi, pergaulan dengan masyarakat Melayu mendorong kepada masyarakat Cina untuk melakukan perkahwinan campur. Dengan itu, faktor pergaulan dan perkahwinan campur dilihat begitu terkait di antara satu sama lain.

Pembacaan dan Pengkajian

Jalaluddin Rakhmat (2003: 265) menyatakan bahawa senario pendidikan yang merangkumi sistem dan silibus yang diberikan kepada seseorang dan interaksi dengan ilmu pengetahuan memberi pengaruh terhadap berlakunya pemelukan agama. Kesempatan mengikuti pelajaran agama Islam memungkinkan pelajar *non*-Muslim mengetahui beberapa konsep asas dalam agama Islam (Ninin Kholida 2007: 109). Justeru, Mohd Sufri (temu bual: April 2012) menyatakan bahawa dalam konteks

pengislaman Saudara Baru di negeri Terengganu, ramai daripada orang Cina yang memeluk agama Islam disebabkan keinginan mereka mengkaji tentang Islam. Dapatan-dapatan daripada temu bual yang dijalankan adalah sebagai mana berikut:-

“Sebabnya... masuk Islam no satu saya dari dulu dari kecil asasnya ... tok saya dah ajar ajaran-ajaran Buddha... **pula saya ni jenis suka, selidik**, kaji, tengok contohnya sejarah macam mana Buddha daripada anak raja dia boleh lari dan menjadi seorang ahli betapa .. dari ahli betapa tuu, dia mencari kebenaran hidup, daripada dia tengok orang tua, orang sakit, orang mati dan dari seorang pendeta daripada tu dia kata ... ai hidup ni ada manusia-manusia yang jenis macam ni... ada sakit, ada apa.. sebab dia daripada kecil lagi ia dihalang oleh keluarga dia daripada melihat mende-mende ni. Sebab dia bakal pengganti raja, kerana itu dia lari meninggalkan istana dan dia menjadi seorang betapa dan seterusnya dia mencapai peringkat keBuddhaan atau mencapai peringkat kekeburan... Daripada tuu, **sekolah saya campur dengan orang Melayu daripada darjah satu sampai darjah enam. Saya mendengar cikgu-cikgu mengajar agama dan sebagainya tentang syariat, akidah..akhlak.**” [Resp # 06 (Hokkien) temu bual Nov. 2012]

“**Masa kat sekolahkan..sekolah pula ada ustaz mari ngajar** ..yang peliknya kita suka pergi kelas jawi tak tau kenapa ..orang kata bukan kelas awak pergilah kelas moral. **Saya tengok orang Islam lain orang Cina lain.**” [Resp # 14 (Hailam) temu bual Nov. 2012]

“Tertarik dengan cara-cara belajar, **saya suka belajar .. jadi masuk Islam tu banyak mende yang kita nak belajar..**” [Resp # 06 (Kantonis) temu bual Nov. 2012]

Dapatan temu bual di atas menunjukkan bahawa kalangan masyarakat Cina mempunyai maklumat yang mendalam mengenai ajaran Buddha. Pun begitu, ianya bukan menjadi penghalang kepada mereka untuk memahami agama lain. Pengalaman turut serta dalam kelas pengajian agama Islam seperti bertanya kepada ustaz menunjukkan wujud rasa ingin tahu masyarakat Cina terhadap agama Islam. Pengkajian merangkumi aspek yang luas, antaranya mengkaji tentang konsep-konsep agama Islam, tingkah laku orang Islam dan amalan-amalan rutin orang Islam. Oleh itu, boleh dikatakan juga bahawa faktor pengkajian juga menjadi titik awal masyarakat Cina melibatkan diri dalam hubungan antara agama.

Satu faktor yang agak sukar ditemui ialah ada dalam kalangan masyarakat Cina yang melakukan perpindahan agama kerana menyahut cabaran untuk menukar agama Islam. Namun begitu, daripada motif untuk menyahut cabaran akhirnya ianya bertukar kepada pengkajian secara perbandingan terhadap agama. Temu bual ini menyatakan sebagaimana berikut:-

“Saya masuk Islam **pada mulanya saya sambut cabaran** ... saya ni pantang di cabar.. oleh kerana saya ini kuat dalam Buddha maknanya sekitar kampung saya tu tentang Buddha dia tanya saya lah.. Kemudian kawan saya cabar dengan katanya “mende lain kamu berani buat cuma satu je kamu tidak berani, awak dok (tidak) berani tukar agama, awak dok berani masuk Islam”. saya fikir-fikir kenapa dia cabar macam ni .. saya fikir-fikir lebih kurang dalam Buddha saya tahu lah .. **saya fikir-fikir dalam Buddha ni tak ada maksud matlamat Tuhan di mana?**” [Resp # 10 (Hokkien) temu bual: Nov 2012]

Didapati dalam kalangan masyarakat Cina yang mengambil masa yang agak lama untuk melakukan penukaran agama kerana proses ini menuntut pengorbanan yang sangat besar. Pemahaman agama Islam dilakukan melalui pembacaan, bertanya kepada ustaz, melihat masyarakat Islam melaksanakan amal ibadah dan melakukan kajian perbandingan agama. Ninin Kholida (2007: 55) menyatakan bahawa pemelukan agama yang berakar umbi berasaskan kajian perbandingan agama ini hanya sedikit dijumpai dan ianya tidak dipengaruhi oleh tekanan luaran yang memaksa individu untuk mengakui keyakinan yang baru. Dalam konteks ini juga didapati wujud hubungan awal antara agama apabila masyarakat Cina dengan bertanya atau melibatkan diri dalam urusan agama masyarakat Islam secara ilmiah khususnya di sekolah-sekolah. Justeru, masyarakat yang berada dalam lingkungan sekolah, termasuk guru dan rakan-rakan memberi peranan yang besar terhadap dorongan kepada pemelukan agama Islam.

Perkahwinan

Menurut Norhana Ng (temu bual: Mac 2012), kebanyakan masyarakat Cina memeluk Islam kerana ingin berkahwin dengan pasangannya yang berbangsa Melayu. Wanita-wanita Cina yang mempunyai teman lelaki dari bangsa Melayu mengambil keputusan untuk menukar agama atas dasar cinta. Menurut Ninin Kholida (2007: 104),

wujudnya ikatan emosional yang lebih mendalam dan intim dengan pasangan yang beragama Islam membuka kesedaran seseorang itu untuk melakukan perpindahan anutan agama. Berdasarkan transkrip temu bual yang telah dijalankan ianya adalah sebagaimana berikut:-

“Bila dengar nak masuk Islam tu.. mak ayah bisinglah..terutamanya mak..sampai menangis-nangislah. Masa tu Nurul bagi tahu nak masuk Islam **sebab nak kahwin dengan orang Melayu**. Lepas tuu, lepas mak tidak boleh terima, Nurul duduk rumah kawan Melayu... sampailah ayah pujuk balik.. suruh masuk Buddha balik.” [Resp # 01 (Hokkien) temu bual: April 2012]

“**Sebab nak berkawan dengan orang Islam**, saya ada satu kawan, dia ada problem, dia mengadu macam, saya kawan dia lebih kurang 10 tahun, dia ada masalah, so I cakap kita boleh jadi kawan, lepas tu dia kata saya bukan Islam.. so mula-mula kita nak tolong dia kita jadi Islam dululah .. so mula-mula saya pergi pejabat agama saya kata saya mahu jadi Islam .. lepas tu, orang kata u betul ke u main-main, I cakap .. betullah, lepas tu dia cakap ... saya langsung tak tau nak cakap asyhadualla.” [Resp # 11 (Foochow) temu bual: Nov. 2012]

“Saya jumpa suami saya, dulu kawan sajarah tak fikir nak masuk Islam, dia cakap dia Islam saya Cina tak mungkin boleh samalah ..kawan biasa okla.. dia pun tak paksa saya kahwin dengan dia. Lepas kenal dia 3 tahun **dia ajak saya kahwin**, saya kata tak nak lah saya tak fikir nak masuk Islam, saya Cina, saya Buddha dan saya ada anak ..tapi saya sudah cerai. Lepas 3 years again dia tanya saya nak kahwin, saya cakap tak naklah, takutlah ..sebab saya belum ada niat untuk masuk Islam.” [Resp # 15(Foochow) temu bual: Dis 2012]

“Sebab masuk Islam **saya nak kahwin dengan orang Islam**, saya suka perempuan Melayu, dia tak sama dengan Cina.” [Resp # 19 (Hakka) temu bual: Dis 2012]

Pendek kata, dorongan untuk mendirikan rumah tangga dengan pasangan dari etnik lain merupakan faktor yang kuat dalam kalangan masyarakat Cina melakukan penukaran agama. Berhubung dengan itu juga, Maha al-Qwadi (2002: 70-71) menyatakan bahawa perkahwinan dengan pasangan yang beragama Islam menuntut kepada pemelukan agama Islam. Walaupun kelonggaran diberikan kepada lelaki Islam untuk berkahwin dengan wanita Yahudi dan Nasrani, namun perkahwinan

tersebut tidak membenarkan lelaki Islam melakukan penukaran agama. Mengambil kira pengamalan di Malaysia yang tidak membenarkan perkahwinan silang agama dengan pasangan Islam, masyarakat Cina yang ingin berkahwin dengan pasangannya yang Muslim tidak mempunyai pilihan melainkan melakukan pemelukan agama Islam. Kenyataan Resp # 15(Foochow) “*dia cakap dia Islam saya Cina tak mungkin boleh samalah*” menjelaskan bahawa pemelukan agama Islam menjadi prasyarat bagi masyarakat Cina yang ingin berkahwin dengan orang Islam. Justeru, tidak menghairankan sekiranya dalam kalangan masyarakat Cina yang ingin berkahwin dengan pasangan Islam hanya mempunyai pengetahuan yang sangat terbatas tentang hal ehwal agama Islam. Resp# 11 (Foochow) mengambil keputusan memeluk Islam kerana ingin berkahwin dengan lelaki Melayu setelah 10 tahun berkenalan. Sewaktu memeluk agama Islam, beliau hanya mengetahui sedikit sahaja tentang agama Islam. Antaranya beliau menyatakan ‘*Saya tahu dalam Islam hanya takleh (tidak boleh) makan khinzir sahaja...*’. Justeru, Joy Lam (2005: 57) menyatakan bahawa penukaran agama kerana ingin berkahwin dengan seorang Muslim menyebabkan kadangkala mereka tidak mengamalkan agama dengan baik. Pun begitu, peranan pasangan Islam menerangkan tentang budaya hidup mengikut Islam yang betul mampu menjadikan Saudara Baru Cina seorang Muslim yang taat. Mengambil kira kenyataan yang diberikan oleh Joy Lam, melalui sesi temu bual yang dilakukan, penulis mendapati dalam kalangan masyarakat Cina mengambil masa yang sangat lama untuk memulakan pengajian tentang agama Islam walaupun telah lama menganut Islam. Ini dijelaskan sebagaimana dalam temu bual berikut:

“Kalau kiranya **masuk Islam lama dah** tapi tak ambik iktibar molek, kelas pun baru masuk bulan ni. Kalau ikut saya masuk Islam tahun 1987 tapi dak (tidak) belajar mana”. [Resp # 20 (Hokkien) temu bual: Dis. 2012]

Malah didapati dalam kalangan masyarakat Cina di negeri Terengganu tidak memikirkan atau merancang untuk memilih agama Islam misalnya responden menyatakan “*dulu kawan sajalah tak fikir nak masuk Islam*”. [Resp # 15(Foochow) temu bual: Dis. 2012]

Hidayah Melalui Mimpi

Selain daripada itu, wujud dalam kalangan masyarakat Cina memeluk Islam kerana faktor-faktor yang luar

biasa seperti bermimpi tentang perkara-perkara yang berkaitan Islam atau mendengar suara azan. Norhana Ng (temu bual: Mac 2012) menjelaskan bahawa seorang Cina yang bersikap negatif terhadap ajaran Islam akhirnya memeluk Islam pada lewat usia kerana faktor hidayah daripada Allah. Kelazimannya Saudara Baru yang menerima Islam kerana hidayah dari Ilahi mengikuti syariat Allah dengan rela hati dan penuh keikhlasan (Mudasir & Marzuki 2005: 587). Jalaluddin Rakhmat (2003: 261) menyatakan bahawa adanya petunjuk dari yang Maha Kuasa terhadap seseorang menerima kepercayaan yang baru dengan penyerahan jiwa sepenuhnya. Melalui temu bual dengan para responden Cina Muslim, pengalaman tersebut diceritakan sebagai mana berikut:-

“**Dapat petunjuk dari Allah pada usia 12 tahun lagi dalam mimpi**, lepas tu minta tangguh dengan tuhan, “biarlah aku kaji dulu agama aku” dan saya pun buat kajianlah dan pernah gi kursus kat kuil Buddhakan ...Mimpi tu.. kalau orang macam lawak je. Saya tidur di tepi sungai, sungai tu berwarna putih, masa tu memang saya tidak percaya, mana ada sungai warna putih, biasanya sungai airnya memang jernih.. bawah pokok lepas itu marilah orang tua bawa tongkat pakai jubah putih, dia suruh saya mengucap.. lepas itu tiba-tiba saya boleh mengucap.. tiba-tiba saya terkejut tu saya masih lagi boleh mengucap.. terkejut dari tidur. Peristiwa tu berlaku di rumah nenek saya.” [Resp # 07 (Hokkien) temu bual: Nov. 2012]

“**Saya mimpi orang tua berjanggut putih..** .. dia kata kenapa mu dok masuk Islam, mu agama Buddha pun mu dok sembahyang..” [Resp # 05 (Teochew) temu bual: Dis. 2012]

“saya duduk kampung tuu kan, ramai orang Melayu kan... **satu hari tu saya dapat mimpi dalam tidurlah...orang Islam tua janggut putih..** koho (semakin) lame koho dekat.. kita takut ah.”[Resp # 04 (Hokkien) temu bual: Nov. 2012]

Faktor hidayah yang secara langsung daripada Allah khususnya melalui mimpi telah mendorong sebahagian masyarakat Cina melakukan penukaran agama. Aspek-aspek mimpi biasanya mengandungi unsur-unsur agama masyarakat Islam tempatan seperti bertemu dan berdialog dengan orang tua yang berjanggut putih serta memakai jubah putih. Maha Al-Qwidi (2002: 42) menyatakan hidayah sebagai faktor ketuhanan (*Divine*) sebagaimana dijelaskan seperti berikut :

“The word ‘conversion’ suggests a process of inner personal change, but in traditional religious contexts such transformations are seen as wholly directed by the divine.”

Pun begitu, faktor petunjuk dari Allah ini adalah berbeza-beza mengikut pengalaman individu. Mengambil contoh pengalaman Saudara Baru Cina di atas, kelaziman mimpi bertemu orang tua yang berjanggut dengan memakai jubah putih dikaitkan dengan orang alim dalam agama dalam tradisi Melayu. Namun begitu, ada dalam kalangan masyarakat Cina yang mengambil jalan untuk melakukan kajian secara mendalam terhadap agama yang sedang dianuti dan agama yang akan dianuti setelah menerima mimpi tersebut. Mengambil contoh pengalaman Resp # 07 (Hokkien), beliau menyatakan bahawa walaupun mendapat petunjuk melalui mimpi pada usia 12 tahun, namun beliau mengambil masa yang agak lama untuk memeluk Islam. Resp # 07 (Hokkien) mengambil masa selama 6 tahun untuk melakukan pengkajian bagi mencari kebenaran agama dalam agama Islam dan Buddha. Justeru, Ninin Kholida (2007: 101) menyatakan proses pemelukan agama mengambil masa secara perlahan-lahan bagi membina keyakinan dalam diri.

Faktor Dorongan Keluarga

Dapatan juga menunjukkan bahawa dalam kalangan masyarakat Cina yang melakukan penukaran agama kerana menerima dorongan yang kuat daripada keluarga yang telah memeluk agama Islam. Kelazimannya apabila ibu bapa memeluk Islam, anak-anak yang dalam jagaannya juga akan turut menganuti Islam. Ini sebagaimana yang dijelaskan:

“Saya memeluk Islam dah belasan tahun, **satu keluarga masuk Islam masa tu saya masih kecil**” [Resp # 03 (Hokkien) Temu bual: Okt. 2012]

“Bila saya nak gi ambil anak saya tuu, anak saya yang gemuk tadi tuu... dia tak nak lepas dengan bekas suami saya ... suami tak terima saya masuk Islam, adik beradik tak terima . **Lepas tu, anak saya pun saya daftar Islam, bekas suami saya tak tahu lagi.**” [Resp # 04 (Hokkien) temu bual: Nov. 2012]

“Bila masuk Islam ada masalah dengan bekas suami Cina. Dia saman saya dia nak ambil anak, anak seorang masa tu, umur tiga tahun, perempuan, **anak saya ni dia kata tidak cukup umur untuk masuk Islam**” [Resp # 07 (Hokkien) temu bual: Nov. 2012]

Menurut Mudasir dan Marzuki (2005:588), Saudara Baru memeluk Islam kerana faktor ikut-ikutan merupakan antara faktor utama pemelukan agama Islam. Faktor ikut-ikutan berlaku sekiranya orang berpengaruh dalam kalangan mereka memeluk agama Islam, justeru ianya akan dituruti oleh beberapa orang anggota yang lain. Namun begitu penulis tidak mendapati bahawa faktor ikut-ikutan menjadi faktor utama masyarakat Cina negeri Terengganu memeluk Islam. Hanya segelintir masyarakat Cina di negeri Terengganu melakukan pemelukan agama Islam kerana didorong oleh keluarga atau tingkah laku keluarga yang telah memeluk agama Islam. Bagi pemeluk agama Islam yang menjaga anak yang masih di bawah umur, perihal ini sering kali mendorong keluarga bekas pasangan yang bukan beragama Islam membawa kes ini ke mahkamah.

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Mudasir dan Marzuki (2005) serta kenyataan Ustaz Abdul Halim Abdullah, dapat dijelaskan bahawa faktor-faktor pemelukan agama Islam dalam masyarakat Cina di negeri Terengganu banyak berhubung kait dengan hubungan awal yang berlaku dengan masyarakat Muslim setempat seperti jiran, rakan sekampung, rakan di sekolah atau pergaulan di tempat kerja. Ini menggambarkan bahawa elemen hubungan antara agama pra-konversi mempunyai peranan yang tersendiri dalam proses pengislaman masyarakat Cina di negeri Terengganu. Selain daripada itu, wujud dalam masyarakat Cina yang memeluk Islam kerana faktor hidayah yang langsung dari Allah, faktor pengkajian dan dorongan daripada keluarga yang terdekat. Dalam konteks pemelukan agama Islam dalam kalangan masyarakat Cina di negeri Terengganu, kelompok Hokkien merupakan etnik yang paling ramai memeluk Islam. Antara faktor yang mendorong pemelukan Islam begitu tinggi dalam kalangan masyarakat Hokkien ialah hubungan yang begitu rapat dengan masyarakat Melayu. Lantaran begitu fasih memahami adat dan budaya hidup masyarakat tempatan, ianya memperlihatkan bahawa hubungan antara agama masyarakat Cina dan Melayu berlaku dengan baik.

KESIMPULAN

Proses pemelukan agama Islam dalam kalangan masyarakat Cina di negeri Terengganu memperlihatkan satu pencarian kebenaran dalam beragama. Hubungan awal dengan masyarakat tempatan mendorong masyarakat Cina di negeri

Terengganu melakukan perpindahan agama. Justeru, pergaulan dengan masyarakat Islam menjadi faktor yang utama terhadap penukaran agama masyarakat Cina di negeri Terengganu. Selain daripada itu, masyarakat Cina di negeri Terengganu memeluk agama Islam adalah kerana ingin berkahwin dengan masyarakat tempatan, pembacaan, memperoleh hidayah Allah dan dorongan keluarga. Berdasarkan kepada hasil kajian di atas, boleh dikatakan bahawa hubungan antara agama yang berlaku secara natural dalam pengalaman sebelum pemeluk memberi banyak informasi agama Islam kepada Saudara Baru. Pengalaman yang dikenali sebagai dialog yang bersifat 'nonverbal' diinterpretasikan dalam bentuk tindakan, perilaku dan nilai melalui perkongsian kehidupan seharian. Fenomena perkongsian hidup sebegini banyak ditemui melalui pengalaman pergaulan, pendidikan bersama dan perkahwinan. Ini menunjukkan dalam konteks pemeluk agama Islam dalam kalangan masyarakat Cina banyak berhubung rapat dengan latar belakang komuniti ini yang berkongsi budaya dengan masyarakat Melayu tempatan.

NOTA

- ¹ Kompleks Darul Hidayah merupakan satu pusat dakwah yang diuruskan oleh Majlis Agama Islam dan Adat Melayu (MAIDAM) Terengganu bagi menguruskan latihan dan program-program keagamaan terhadap semua Saudara Baru yang memeluk agama Islam di negeri Terengganu.
- ² Persatuan Darul Fitrah merupakan badan NGO dakwah yang menguruskan kebajikan Saudara Baru di negeri Terengganu manakala Malaysia Chinese Muslim Association (MACMA) merupakan badan dakwah NGO yang menguruskan hal ehwal Saudara Baru dalam kalangan masyarakat Cina.

RUJUKAN

- Bahagian Dakwah, Pejabat Agama Negeri Terengganu. 2012. Cheong Meng Ngai. 1991. Sejarah Kedatangan dan Penempatan Orang Cina di Kuala Terengganu (1800-1940). Latihan Ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010.
- Jalaluddin Rakhmat. 2003. *Psikologi Agama Sebuah Pengantar*. Jakarta: Mizan.
- Joy Lam. 2005. *Religious Conversion and Reconstruction of Identities: The Case of Chinese Muslim Converts in Malaysia*. Singapore: Southeast Asian Studies Programme, National University of Singapore.
- Maha Al-Qwidi. 2002. Understanding the Stages of Conversion to Islam: The Voices of British Converts. Tesis Ph.D., The University of Leeds.
- Mohamed Asin Dolah. 1993. Konversi agama: Pengertian dan bentuknya. Dlm. Mohamed Hussain et al. (pnyt.). *Isu-Isu dalam Usuluddin dan Falsafah*. Bangi: Penerbit UKM.
- Mudasir Rosder & Marzuki Musa. 2005. Kefahaman Islam di kalangan Saudara Baru (Cina) di Batu Pahat, Johor. Wan Abd. Hamid Wan Teh (ed.) *Seminar Antarabangsa Budaya dan Pemikiran Antara China dan Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ninin Kholida Mulyono. 2007. Proses Pencarian Identitas Diri pada Remaja Muallaf. Tesis Sarjana, Universitas Diponegoro.
- Rani Dwisaptani & Jenny Lukito Setiawan. 2008. Konversi agama dalam kehidupan pernikahan. *Jurnal Humaniora* XX(3): 327-339.
- Rasidah Binti Haji Ahim. 2008. *Islamisasi Dalam Masyarakat Dusun di Brunei Darussalam*, Brunei: UNISSA.
- Sulaiman Dufford. 2010. *Liku-Liku Pencarian Nur Islam: Pengalaman Memeluk Islam Di Barat*. Terj. Noresah Baharom, *Conversion Journey: On Becoming Muslim In The West*. Kuala Lumpur: Institut Terjemahan Negara.
- Tan Chee Beng. 2002. *Chinese Minority in A Malay State. The Case of Terengganu in Malaysia*. Singapore: Eastern Universities Press.
- Tan Wan. 2002. A study of the occupational structure of the Chinese community by dialect in Seminar on Chinese Population in Malaysia.
- Tan Yao Sua. 2011. Akulturasi Peranakan Cina di Tirok, Terengganu. *Jurnal Terjemahan Alam & Tamadun Melayu* 2:2.
- Tengku Norhayati Tengku Hamzah. 2006. Saudara Baru di Kelantan: Suatu Kajian Mengenai Dorongan dan Cabaran Di Kota Bharu, Kelantan. Tesis M.A., Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Zakiah Darajat. 1973. *Ilmu Jiwa Agama*. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang.

Responden

- Abdul Halim Lim Abdul Rahman. 2012. Temu bual pada jam 9.00 pagi 26 Mac 2012 di Pejabat Maidam. Beliau merupakan pengetua Kompleks Darul Hidayah.
- Mohd Sufri Jaafar. 2012. Temu bual pada jam 10.30 pagi 12 April 2012 di Pejabat Perkim di Jalan Bukit Kecil, Kuala Terengganu. Beliau merupakan Pegawai Eksekutif PERKIM negeri Terengganu.
- Norhana Ng Abdullah. 2012. Temu bual pada jam 11.00 pagi 12 Mac 2012. Beliau merupakan pengerusi Persatuan Darul Fitrah Negeri Terengganu dan MACMA.
- Temu bual dengan Resp # 01 (Hokkien) di kediaman beliau di Kampung Hiliran pada jam 11.00 pagi 9 April 2012.
- Temu bual dengan Resp # 02 (Hokkien) di kediaman beliau di Kg Batu Burok jam 10.45 pagi 20 April 2012.
- Temu bual dengan Resp # 03 (Hokkien) di kediaman ibu mertuanya di Kampung Seberang Takir, Kuala Terengganu, jam 5 petang pada 6 Julai 2012.
- Temu bual dengan Resp # 04 (Hokkien) di kediaman beliau di Lot 3484 – A, Jalan Panji Alam, Kuala Terengganu, jam 5.28 petang pada 13 November 2012.
- Temu bual dengan Resp # 05 (Teochew) di kediaman beliau di Lot 3484 – A, Jalan Panji Alam, Kuala Terengganu, jam 5.08 petang pada 13 November 2012.

- Temu bual dengan Resp # 06 (Hokkien) di kediaman beliau di Pangsapuri Permint Harmoni, Jalan Cherung Lanjut, Kuala Terengganu pada jam 12.30 tengah hari pada 14 November 2012.
- Temu bual dengan Resp # 07 (Hokkien) di Kompleks Darul Hidayah, jam 10.55 pagi pada 19 November 2012.
- Temu bual dengan Resp # 08 (Hokkien) di Kompleks Darul Hidayah, jam 10.30 pagi pada 19 November 2012.
- Temu bual dengan Resp # 09 (Kantonis) di Kompleks Darul Hidayah, jam 11.00 pagi pada 21 November 2012.
- Temu bual dengan Resp # 10 (Hokkien) di Kompleks Darul Hidayah, jam 10.55 pagi pada 21 November 2012.
- Temu bual dengan Resp # 11 (Foochow) di Pejabat Darul Fitrah, jam 11.00 pagi pada 22 November 2012.
- Temu bual dengan Resp # 12 (Hokkien) di Pejabat Darul Fitrah, jam 11.30 pagi pada 22 November 2012.
- Temu bual dengan Resp # 13 (Hakka) di Kompleks Darul Hidayah, jam 10.30 pagi pada 25 November 2012.
- Temu bual dengan Resp # 14 (Hailam) di Kompleks Darul Hidayah, jam 10.50 pagi pada 25 November 2012.
- Temu bual dengan Resp # 15 (Foochow) di kedai beliau di Kampung Gong Pauh, Kuala Terengganu, jam 11.45 pagi pada 6 Disember 2012.
- Temu bual dengan Resp # 16 (Kantonis) di Pejabat Darul Fitrah, jam 9.00 pagi pada 6 Disember 2012.
- Temu bual dengan Resp # 17 (Hokkien) di Pejabat Darul Fitrah, jam 10.00 pagi pada 6 Disember 2012.
- Temu bual dengan Resp # 18 (Hokkien) di Kediaman beliau di 328-D, Kampung Rusila, 21080, Marang, Terengganu, jam 5.00 petang pada 8 Disember 2012.
- Temu bual dengan Resp # 19 (Hakka) di Kompleks Darul Hidayah, jam 8.30 pagi pada 15 Disember 2012.
- Temu bual dengan Resp # 20 (Hokkien) di Kompleks Darul Hidayah, jam 9.30 pagi pada tarikh 15 Disember 2012.

Azarudin Bin Awang
Pensyarah
Academy of Contemporary Islamic Study
UiTM Terengganu
23000, Sura Hujung, Dungun, Terengganu, MALAYSIA.
E-mail: azaru154@tganu.uitm.edu.my /
azarudin@um.edu.my

Khadijah Mohd Khambali @ Hambali, Ph.D.
Profesor Madya
Jabatan Akidah & Pemikiran Islam
Akademi Pengajian Islam
Universiti Malaya
50603, Kuala Lumpur, MALAYSIA.
E-mail: ijamh@um.edu.my